Katanya, MBSA telah dipilih oleh Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebagai perintis transformasi urusan permit pembinaan Peneraju Utama Negeri DCP.

"Permit pembinaan ini diperkenalkan bertujuan untuk memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan (delivery system) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari aspek pengeluaran permit-permit pembinaan. Kita berharap dapat memendek masa meluluskan permit daripada 390 hari kepada 90 hari.

"Program Transformasi Urusan Permit-Permit Pembinaan telah dan sedang dilaksanakan di lima buah negeri iaitu Sabah, Pulau Pinang, Perak, Johor dan Selangor," katanya.

Ahli-ahli DCP terdiri daripada Datuk Bandar atau Timbalan Datuk Bandar Shah Alam sebagai penasihat dan jabatan-jabatan teknikal dalaman sebagai ahli seperti Bahagian Pusat Setempat (OSC), Jabatan Perancangan, Jabatan Bangunan, Jabatan Kejurureraan dan Jabatan Landskap. -UTUSAN ONLINE